

# Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-33  
(Hari Orang Papa Sedunia Ke-6)

**GARAM DAN TERANG DUNIA: PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI**

FOKUS BULANAN:

**HARI BELIA SEDUNIA/HARI ORANG MUDA (20 NOVEMBER)**



## BERTAHAHAN DAN KAMU AKAN MENANG

**K**esemua bacaan hari ini membuatkan kita berfikir tentang hari kiamat. Kita diberitahu bahawa hari Tuhan akan datang. Kita mendengar kata-kata yang kuat daripada Allah dalam bacaan pertama. Pada zaman Maleakhi, terdapat kebiasaan jahat yang diamalkan dalam masyarakat.

**PETIKAN TULISAN  
SUCI UNTUK  
DIHAFAL:**

Bersukacitalah dalam pengharapan, sabarlah dalam kesesakan, dan bertekunlah dalam doa!

(Roma 12: 12)

Melalui dia, Allah memperingatkan orang-orang yang sombong dan jahat tentang hukuman yang akan menimpa mereka. Mereka akan dimusnahkan, tetapi mereka yang menghormati namaNya akan diberi ganjaran sewajarnya. Mereka akan selamat.

Berikutan dari surat pertamanya kepada orang Tesalonika, Paulus menulis semula kepada mereka selepas beberapa bulan. Sebelum ini dia memberitahu mereka bahawa Yesus akan membebaskan mereka daripada murka yang akan datang pada akhir zaman. Sekarang, dia menulis untuk menggalakkan mereka. Paulus memberitahu mereka untuk mencontohi dia dan kumpulannya bahawa setiap orang harus bekerja dengan sungguh-sungguh. Dia menceritakan bahawa mereka telah bekerja keras siang dan malam dan tidak bergantung kepada pengikut mereka untuk menyara hidup walaupun itu adalah hak mereka untuk mengharapkannya daripada mereka. Dia tidak mengecilkan kata-katanya kerana dia memberitahu mereka bahawa jika ada orang yang tidak mahu bekerja, dia tidak dibenarkan makan. Apa yang Paulus maksudkan juga ialah bahawa kita harus bekerja dengan tekun pada iman kita kepada Allah, jika tidak, kita akan menjadi miskin dalam roh.

Dalam Injil, Yesus menubuatkan kemusnahan Bait Suci di Yerusalem, menandakan berakhirnya suatu era. Dia bercakap kepada kita tentang akhir zaman dan bagaimana kita perlu bertahan. Kita tidak perlu takut dengan kemusnahan, kehancuran, pengkhianatan dan penganiayaan yang akan datang. Institusi politik dan agama, keluarga, kekayaan dan segala-galanya akan lenyap. Tetapi Yesus terlebih dahulu memberitahu kita untuk tidak bimbang. Ia hanyalah penutupan satu zaman dan permulaan zaman yang lain. Inilah peluang kita untuk bersaksi tentang Dia. Dia akan memberi kita kata-kata dan kebijaksanaan yang akan menghalang musuh kita. Kita adalah tubuh Kristus dan adalah menjadi misi kita sebagai orang Kristian untuk menyatakan kemuliaan dan kehidupannya dalam kesaksian kita. Kita mempunyai janji Kristus bahawa kita tidak akan binasa. **Kita hanya perlu berdiri teguh dan keselamatan akan menjadi milik kita.**

Kita yakin bahawa Tuhan datang untuk memerintah bumi dengan adil. ✚

**AYAT SUCI  
MINGGU INI**

Maleakhi 3: 19-20;

Mazmur 97: 5-9;

2 Tesalonika 3:7-12;

Lukas 21: 5-19.